



Shamsiah Rashidah Ibrahim

### **Kebodoohan calun BN DUN Senggarang tidak boleh dimaafkan**

Belum sempat jadi wakil rakyat, mengisi borang pencalonan pun tahu bagaimana nak menjadi wakil rakyat DUN Senggarang? Inilah pertanyaan-pertanyaan dan soalan-soalan yang sering kedengaran bukan sahaja dari kalangan parti pembangkang tetapi dari kalangan orang BN sendiri.

Kebodoohan calun Shamsiah Rashidah Ibrahim ini semamgnya tidak dijangkakan dan sebagai bom jangka memberikan impak dan tamparan yang hebat ke atas kepimpinan BN Johor. Kebodoohan calun ini menjadi isu nasional sehingga pihak pembangkang meletakkan didalam semua propaganda mereka semasa kempen. Kejatuhan DUN Senggarang kepada PAS dengan kebodoohan calun ini bukan sahaja telah mencalar imej BN Johor tetapi memberikan kebenaran kepada PAS dalam usaha menawan Johor walaupun hanya mendapat 1 kerusi DUN sahaja.

Bagi mereka kubu BN Johor boleh ditembusi dan bukannya kebal seperti mana yang diwar-warkan oleh pemimpin Johor sendiri. Semoga kebodoohan didalam mengisi borang pencalonan itu menjadi iktibar kepada semua calon yang bakal bertanding pada pilihanraya umum akan datang.

Persoalannya sekarang, apakah tertewasnya DUN Senggarang itu secara teknikal atau ada unsur-unsur "sabotaj"?

Sebagaimana maklum, bekas calon Batu Pahat iaitu Datuk Zainal Abidin yang juga Pengarah Pilihanraya Batu Pahat sepatutnya menyemak atau membantu calun berkenaan yang pertama kali dicalunkan bagi mempastikan kesahihan semua maklumat yang dicatatkan dalam borang berkenaan. Tetapi kenapa perkara ini tidak diambil tindakan?

Datuk Zainal Abidin selaku Pengarah Pilihanraya Batu Pahat yang telah digugurkan tidak langsung membuat ke atas wakil-wakil calon oleh beliau sendiri mahupun oleh ejen-ejen yang telah dilantik.

Soalan kedua, semua borang pencalonan bagi semua calon-calon akan dihantar kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor dan pengumuman calon akan dibuat oleh MBJ di saujana. Apakah yang dilakukan oleh BPUNJ ke atas semua borang-

borang pencalonan atau maklumat-maklumat calon dan wakil-wakil calon serta ejen-ejennya? Kenapa perkara ini terlepas pandang oleh BPUNJ sehingga pembatalan ini berlaku?

Soalan ketiga, apakah sikap berdiam diri Datuk Zainal Abidin selaku Pengarah Pilihanraya Batu Pahat yang tidak terpilih sebagai calon pilihanraya kali ini menunjukkan sikap "sabotaj" beliau dan kekecewaan?

Semua persoalan-persoalan ini perlu dijawap oleh orang-orang Johor sendiri kerana masalah pembatalan calon ini bukanlah merupakan kesilapan teknikal tetapi menunjukkan kebodohan calon mahupun ejen-ejennya. Sistem pengurusan yang tidak cekap dan ghairah untuk mendapat tempat merupakan faktor-faktor yang boleh diambil-kira.

Ia bukan sahaja memberikan impak yang besar kepada pembangkang tetapi mencalarkan imej BN khasnya UMNO Johor dan menjadi luka yang dalam kepada pengundi-pengundi Senggaran, Batu Pahat untuk 5 tahun akan datang.

---

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated  
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima  
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.